

21/09/1998

Ku Li tidak cadang tanding Timbalan Presiden

IPOH, Ahad - Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah, tidak bercadang bertanding mengisi kekosongan jawatan Timbalan Presiden Umno dalam pemilihan parti akan datang.

Menurutnya, beliau tidak berhajat berbuat demikian walaupun jawatan itu kini kosong berikutan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai ahli Umno.

Anwar dipecat sebagai ahli Umno pada 3 September lalu, sehari selepas jawatannya dalam kerajaan dilucutkan atas alasan salah laku seksual.

Kekosongan itu menyebabkan tercetus khabar angin Tengku Razaleigh yang pernah keluar daripada Umno dan membentuk parti Semangat 46, akan bertanding merebut jawatan itu dalam pemilihan parti akan datang.

Tengku Razaleigh yang ditemui pemberita sebelum majlis perjumpaan dengan Umno Bahagian Ipoh Timur di rumah Ketua bahagian berkenaan, Datuk Yahya Shafie di sini, hari ini, bagaimanapun menafikan khabar angin itu.

Turut hadir, Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno yang juga Ketua Umno Bahagian Pasir Mas, Datuk Ibrahim Ali dan bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Rahim Tamby Chik.

Dalam ucapannya, Tengku Razaleigh berkata, beliau gembira kerana setelah 11 tahun keluar Umno disebabkan salah `perkiraan' dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akhirnya diterima untuk rujuk kembali ke dalam Umno.

Mengenai pengumuman Anwar bahawa beliau mungkin mencabar Dr Mahathir di kawasan Parlimen Kubang Pasu, Kedah, Tengku Razaleigh berkata, tindakan itu hanya sia-sia kerana Anwar tidak akan berjaya mencapai hajatnya.

(END)